



KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN

# *Nota Poket*

## Panduan Penggunaan Pengangkutan Awam Mesra Autisme

**PLAN**Malaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning : Beyond Conventional*

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMalaysia)

# *Nota Poket*

## Panduan Penggunaan Pengangkutan Awam Mesra Autisme

*Cetakan Pertama@2025*



**micro  
PLANNING**  
the humanity agenda  
for Malaysian urban  
planning

Disediakan dan diterbitkan oleh :

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

# Kandungan

01

Pengenalan (4)

02

Pengguna Nota Poket (6)

03

Memahami Autisme (7)

04

Panduan Umum : Penggunaan Pengangkutan Awam  
(Bas dan Tren) Mesra Autisme (10)

05

Peranan Orang Awam (19)

06

Peranan Pengurus/Operator/  
Petugas Pengangkutan Awam (20)

07

Strategi Pelaksanaan (21)

08

Rumusan (22)



*Firman Allah SWT dalam Al quran (Al Maaidah:2) ;*

Maksudnya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).



# 1.0 Pengenalan



Pengangkutan awam adalah nadi pergerakan masyarakat, termasuk bagi individu dengan **Autism Spectrum Disorder (ASD) atau autisme**.

Namun, bagi individu autistik dan penjaga mereka, penggunaan pengangkutan awam boleh menjadi satu cabaran besar akibat sensitiviti deria terhadap rangsangan, kesukaran dalam komunikasi, serta keperluan kepada rutin yang konsisten.

Sebagai langkah proaktif, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah memperkenalkan Nota Poket Panduan Penggunaan Pengangkutan Awam (Bas dan Tren) Mesra Autisme. **Panduan ini merupakan sebahagian dari inisiatif PRISMA dan perlu dirujuk bersama dengan Panduan Inisiatif Persekutaran Mesra Autisme (PRISMA) bagi mewujudkan persekitaran pengangkutan yang lebih inklusif dan mesra autisme. Skop nota poket ini hanya pengangkutan awam bagi bas dan tren sahaja.**



## Nota Poket Ini Dapat Membantu:



Kesedaran tentang **keperluan individu autistik** dalam penggunaan pengangkutan awam.



Rujukan dan panduan praktikal kepada keluarga, penumpang dan operator pengangkutan awam, tentang cara menyokong individu autistik.



Membantu individu autisme dan penjaga membuat **persediaan awal** sebelum menggunakan pengangkutan awam.



Membantu mengurangkan **rasa cemas atau stres** yang mungkin dialami individu autisme semasa menggunakan pengangkutan awam.



## Nota Poket

Panduan Penggunaan  
Pengangkutan Awam  
Mesra Autisme



## Panduan Inisiatif

PERSEKITARAN MESRA AUTISME

(PRISMA)



Nota Poket Panduan Penggunaan  
Pengangkutan Awam Mesra Autisme  
ini perlu dibaca bersama Panduan  
Inisiatif Persekitaran Mesra Autisme  
(PRISMA)

**myTOWNnet**  
MALAYSIAN TOWN PLANNING RESEARCH NETWORK

Dokumen in boleh dimuat turun melalui laman sesawang  
<https://mytownnet.planmalaysia.gov.my/index.php/planning-guidelines/>

## 2.0 Pengguna Nota Poket



Terdapat empat (4) kategori pengguna terkait secara langsung mahupun tidak langsung bagi menggunakan nota poket ini adalah:



1. Individu autisme



2. Ibu bapa atau penjaga



3. Pengurus/operator/peugas perkhidmatan pengangkutan awam bas & tren



4. Orang awam



Nota poket ini tidak mengambil kira aspek pengurusan kesihatan, perkembangan pendidikan, terapi, kebajikan atau pengurusan sendiri individu autisme.

“Kementerian Pengangkutan (MOT) disaran mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan aksesibiliti pengangkutan awam termasuk sektor penerbangan agar lebih mesra dan inklusif terhadap komuniti autisme.”

Pengerusi Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya Selangor (MTOS),  
**Danial Al-Rashid Haron.**


“Cabaran yang dihadapi oleh individu autistik dalam menggunakan pengangkutan awam secara berdikari, menekankan bahawa setiap individu mempunyai keperluan dan cabaran unik dalam situasi tersebut.”

**Alex Lowery**, Individu autistik di UK dan penceramah bebas.

“.... dengan inisiatif yang sesuai, pengalaman perjalanan dengan bas bagi individu autistik dapat menjadi lebih menyenangkan.”

*International Journal of Developmental Disabilities,*  
Taylor & Francis

# 3.0 Memahami Autisme



**Kecelaruan Spektrum Autisme (Autism Spectrum Disorder - ASD)** adalah keadaan di mana berlakunya kecelaruan neurologi yang mendatangkan impak negatif kepada perkembangan otak seseorang. Gangguan neuroperkembangan ini menjejaskan komunikasi, tingkah laku, dan interaksi sosial.

Sesetengah individu autisme dapat melaksanakan semua aktiviti kehidupan seharian sementara yang lain memerlukan sokongan yang cukup untuk melakukan aktiviti asas.

Antara ciri umum individu dengan ASD:



*Kesukaran menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran atau rutin.*



*Tingkah laku berulang seperti memutar objek atau menyusun barang.*



*Kepekaan deria yang berlebihan atau kurang terhadap rangsangan seperti bunyi, cahaya, rasa, sentuhan, atau bau.*



**ECHOLALIA**  
*Kesukaran memahami dan menggunakan bahasa.*



*Masalah dalam kemahiran sosial dan situasi sosial.*



*Tingkah laku mencabar seperti agresif atau mencederakan diri sendiri.*

### 3.1 Penggunaan Pengangkutan Awam Bagi Individu Autisme

Individu autisme dan penjaga mereka adalah sebahagian daripada masyarakat yang berhak menikmati kemudahan pengangkutan awam, terutamanya bagi mereka yang tidak berpeluang memiliki kenderaan sendiri.

Justeru, persediaan yang rapi dan langkah yang sesuai amat penting bagi memastikan pengalaman perjalanan yang lebih selesa, selamat, dan menyokong keperluan khas mereka. Dengan perancangan yang baik, pengangkutan awam boleh menjadi medium kebebasan dan kemandirian bagi individu autisme.

#### Perkara Asas Yang Perlu Diberi Perhatian Bagi Menggunakan Pengangkutan Awam :

##### Memperkenalkan Pengangkutan Awam



Biasakan diri dengan kenderaan pengangkutan awam dengan menceritakan kepada autistik dalam bentuk gambar dan maklumat berkaitan yang mudah faham.

##### Memulakan dengan Perjalanan Pendek



Memulakan perjalanan dalam jarak yang dekat dahulu untuk membiasakan diri autistik dan seterusnya jarak perjalanan yang jauh sedikit. (cara ini dapat melatih autistik).

##### Melatih dalam Perancangan Perjalanan



Latih perkara seperti menyusun barang yang perlu dibawa, merancang perjalanan, melihat jadual, bergerak ke perhentian/terminal, dan menyemak maklumat ketibaan masa sebenar.



##### Menghadapi Situasi Tidak Dijangka

Sentiasa bersedia dalam kemungkinan yang berlaku seperti tantrum dan keadaan yang tidak terkawal.





"Duduk di tengah orang ramai, saya rasa gelisah. Kesannya, saya perlu buat bunyi dan goyangkan badan untuk rasa lebih tenang. Tapi kadang-kadang, orang pandang saya dengan rasa pelik, malah ada yang marah. Saya tahu mereka tak suka saya. Tapi saya nak buat macam mana? Saya cuma nak balik rumah."

Luahan perasaan Eisther, 17 tahun, itulah yang dia rasa setiap kali dia menggunakan pengangkutan awam untuk pulang ke rumah.



## 4.0 PANDUAN UMUM : Penggunaan Pengangkutan Awam Bas dan Tren

### 4.1 Persiapan di Rumah

- i) Tentukan destinasi dan laluan pengangkutan awam yang akan digunakan.
- ii) Semak peta jaringan laluan dan jadual perjalanan bas atau tren.
- iii) Pastikan mempunyai kad bayaran pengangkutan awam (Cth: Touch 'n Go) atau wang yang mencukupi.
- iv) Bawa barang keperluan seperti fon kepala (jika sensitif terhadap bunyi), mainan yang digemari (*soft toys*), peranti elektronik, kertas lukisan, air minuman, minyak wangi dengan bau tertentu yang menenangkan dan kad OKU (jika berdaftar).
- v) Gunakan pakaian yang selesa dan sesuai dengan cuaca.

### 4.2 Perjalanan ke Stesen atau Perhentian Bas

- i) Bergerak lebih awal untuk mengelakkan tergesa-gesa.
- ii) Jika perlu, gunakan aplikasi navigasi untuk melihat jalan terdekat atau tidak sesak.
- iii) Tunggu di tempat menunggu yang betul (perhentian bas atau platform tren).
- iv) Jika sesak, cari tempat yang kurang sibuk untuk menunggu.

### 4.3 Membeli Tiket / Bayaran Guna Kad Pengangkutan

- i) Jika belum ada kad, beli tiket di kaunter atau melalui mesin layan diri.
- ii) Jika menggunakan kad, pastikan baki mencukupi sebelum masuk.
- iii) Gunakan bantuan visual atau tanya pegawai jika keliru.

### 4.4 Masuk ke Dalam Bas atau Tren

- i) Tunggu dengan sabar sebelum menaiki bas atau tren.
- ii) Imbas kad atau tiket di palang masuk (untuk tren) atau kepada pemandu (untuk bas).
- iii) Biarkan penumpang keluar dahulu sebelum masuk.
- iv) Pegang pemegang jika perlu untuk keseimbangan.
- v) Jika ingin duduk, cari tempat duduk kosong atau tempat khas OKU (jangan berasa segan, jika perlu maklumkan pada penumpang lain keadaan anak adalah autisme, supaya tidak timbul salah sangka).

#### **4.4 Semasa Dalam Perjalanan**

- i) Kekalkan keadaan tenang dan elakkan gangguan kepada penumpang lain.
- ii) Gunakan fon kepala jika bunyi sekitar terlalu kuat.
- iii) Ikut isyarat atau pengumuman untuk mengetahui destinasi seterusnya.
- iv) Jika memerlukan bantuan, beritahu penjaga atau pegawai bertugas.

#### **4.5 Turun di Destinasi yang Dituju**

- i) Bersedia untuk turun beberapa hentian sebelum destinasi.
- ii) Keluar dengan berhati-hati dan pastikan tidak tertinggal barang.
- iii) Semak persekitaran sebelum melintas jalan.
- iv) Jika perlu bantuan, minta tolong daripada pegawai atau individu berhampiran.

#### **4.6 Tiba di Destinasi dan Penyesuaian**

- i) Semak lokasi untuk memastikan sampai ke tempat yang betul.
- ii) Jika perlu, gunakan telefon atau peta untuk rujukan.
- iii) Rehat sebentar jika perjalanan memenatkan.
- iv) Teruskan aktiviti seperti yang dirancang.

#### **Nota:**

Sentiasa bersedia untuk perubahan jadual perjalanan atau kelewatan.

Jika menghadapi kesulitan, gunakan kad maklumat kecemasan atau hubungi penjaga.

Biasakan diri dengan perjalanan secara berperingkat untuk membina keyakinan.

# 4.1 Contoh Social Story Penggunaan Pengangkutan Awam Bas dan Tren



1 Bawa barang keperluan mengikut senarai semak



5 Tunggu di platform yang betul



2 Semak jadual perjalanan. Beli tiket (online atau di kaunter)



6 Menaiki tren atau bas yang tiba



3 Pergi ke stesen tren/bas



7 Dapatkan tempat duduk anda



4 Imbas tiket atau kad dan lalui palang masuk



8 Tiba di destinasi


Buses  
Stands J-N



Railway



HIDDEN  
disabilities 



Some  
disabilities  
are hard  
to see

Be seen with a Sunflower  
for extra support using  
public transport.



Find out more at  
[transportnsw.info/sunflower](http://transportnsw.info/sunflower)



AMALAN TERBAIK : PENYEDIAAN LANYARD KHAS

Kaedah yang baik dengan memperkenalkan standard lanyard untuk mengenal pasti individu autisme atau OKU lain yang tidak nampak secara fizikal.

## AMALAN TERBAIK : IRISH RAIL, DUBLIN MENYEDIAKAN GERABAK KHAS ZON SENYAP

Gerabak Khas Zon senyap boleh ditempah secara dalam talian dan boleh dikenali dengan jelas melalui warna hijau pada bahagian luar dan dalam tren. Ia diperkenalkan untuk membantu penumpang yang mempunyai sensitiviti deria, tetapi boleh ditempah juga oleh individu yang inginkan perjalanan tanpa gangguan bunyi.



## AMALAN TERBAIK : PENYEDIAAN PAS PERJALANAN KHAS

Pas perjalanan khas untuk individu autisme atau OKU bukan fizikal lain bagi memastikan perjalanan yang lebih selesa dengan bantuan khas petugas perkhidmatan pengangkutan awam



## AMALAN TERBAIK : PENYEDIAAN TEMPAT DUDUK KHAS

Bagi individu penjaga autisme yang menempah pas perjalanan awal terutama perjalanan yang jauh, tempat duduk khas akan ditetapkan dengan mengambil kira berdekatan pintu keluar masuk, tandas, jauh dari bebanan bunyi enjin yang kuat, pencahayaan ruang dalam yang tidak mengganggu dan memudahkan petugas datang dengan segera sekiranya berlaku kecemasan.



## AMALAN TERBAIK : PINTU MASUK KHAS

Boleh disediakan pintu masuk khas ke tren untuk OKU fizikal dan OKU bukan fizikal bagi memudahkan laluan masuk dan tidak perlu bersesak yang mungkin menyebabkan kecederaan dan beban pada sensitif deria rangsangan.





## AMALAN TERBAIK : PENYEDIAAN BAS AKTIF DERIA RANGSANGAN

Bas khas ini direka dengan elemen rangsangan deria yang sesuai untuk kanak-kanak autisme, termasuk pencahayaan lembut, warna yang menenangkan, serta ruang khas untuk aktiviti interaktif. Ia bertujuan membantu mereka mengawal emosi, meningkatkan fokus, dan menjadikan pengalaman perjalanan lebih selesa serta menyenangkan.

# 5.0 Peranan Orang Awam

## Peranan Orang Awam Sebagai Sokongan Kepada Autistik

### **Ikuti Arahan Penjaga**

Sentiasa bertanya kepada penjaga tentang cara yang sesuai sebelum menawarkan bantuan.

### **Kenali Keutamaan Komunikasi**

Tentukan bentuk komunikasi utama individu sebelum berinteraksi.

### **Pertimbangkan Sensitiviti Deria**

Ambil kira sensitiviti deria individu terhadap cahaya, bunyi, dan bau.

### **Tawarkan Bantuan Secara Bertimbang Rasa & Menjaga Tutur Kata**

Tawarkan bantuan hanya jika diminta oleh penjaga.


### **Maklumkan kepada Kakitangan tentang Masalah**

Segera maklumkan kepada kakitangan jika berlaku kejadian yang tidak diingini.

### **Ambil Cakna dan Bersikap Proaktif**

Dapatkan maklumat mengenai autisme, termasuk ciri-ciri dan cabaran yang dihadapi oleh individu autistik.


Jika melihat individu dengan ciri autisme atau pergerakan berbeza, berikan keutamaan kepada mereka seperti dalam barisan menunggu atau tempat duduk, serta tunjukkan sikap mesra.





## 6.0 Peranan Pengurus/ Operator/ Petugas Pengangkutan Awam

Pekerja pengangkutan awam seperti pemandu bas dan tren, pegawai keselamatan, pegawai perkhidmatan pelanggan, serta petugas stesen memainkan peranan penting dalam memastikan pengalaman perjalanan individu autistik lebih selesa, selamat, dan mesra pengguna. Dengan pemahaman dan sokongan yang tepat, mereka dapat membantu mengurangkan tekanan serta menjadikan pengangkutan awam lebih inklusif. Berikut adalah beberapa peranan utama yang boleh mereka laksanakan:



# 7.0 Strategi Pelaksanaan

## Penyedia Perkhidmatan

- ❑ Menyediakan infrastruktur dan kemudahan mesra autisme, sama ada melalui pembaikan (retrofit) atau pembinaan baharu.
- ❑ Melatih petugas pengangkutan mengenai cara berinteraksi dan membantu penumpang autisme dengan lebih baik.

## Agensi Kerajaan

- ❑ Menguatkuasakan dasar dan garis panduan bagi mengalakan *standard* mesra autisme dalam pengangkutan awam, seperti Panduan Inisiatif Persekitaran Mesra Autisme (PRISMA).
- ❑ Memberikan insentif kepada penyedia perkhidmatan yang melaksanakan inisiatif ini melalui geran, dana sokongan, pengecualian cukai, rebat, atau subsidi operasi.



## Komuniti Masyarakat

- ❑ Membentuk kumpulan sokongan untuk ibu bapa dan penjaga autisme bagi berkongsi maklumat serta pengalaman.
- ❑ Menyediakan pasukan sukarelawan di stesen dan hentian bas untuk membantu pengguna autisme.
- ❑ Menggalakkan sikap prihatin dan empati dalam masyarakat terhadap pengguna autisme dalam pengangkutan awam.

## Badan Bukan Kerajaan (NGO)

- ❑ Bekerjasama dengan kerajaan dan penyedia perkhidmatan untuk memastikan pengangkutan awam lebih inklusif.
- ❑ Menggiatkan advokasi dengan memberi sokongan dan maklum balas kepada pembuat dasar berdasarkan pengalaman pengguna autisme.

## 8.0 Rumusan



*Program pengangkutan awam mesra autisme di Singapore.*

Penyediaan **Nota Poket Panduan Penggunaan Pengangkutan Awam (Bas dan Tren) Mesra Autisme** ini adalah salah satu ikhtiar dan langkah penting dalam memastikan pengalaman perjalanan yang selamat, lancar, dan mesra autisme. Panduan ini bukan sahaja membantu individu autistik, tetapi juga meningkatkan kefahaman dalam kalangan pemandu, petugas pengangkutan, dan penumpang lain untuk bersikap lebih bertimbang rasa dan inklusif.

Dengan adanya panduan yang jelas dan mesra autisme, individu autistik dapat menikmati kebebasan bergerak dengan lebih yakin, sementara penjaga mereka dapat mengurus perjalanan dengan lebih mudah dan teratur. Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada golongan autistik tetapi juga memperkukuh sistem pengangkutan awam yang lebih inklusif, selamat, dan mesra semua pengguna.

## Lampiran 1 : Contoh Senarai Semak Barang Keperluan Semak Keperluan Barangan

### Senarai Semak Barang Keperluan Sebelum Perjalanan Bagi Autistik



Headphone bagi mengurangkan tekanan rangsangan deria bunyi (melibatkan bunyi kenderaan)



Soft toys atau mainan lain yang menjadi kegemaran anak autistik



Gajet elektronik bagi membantu rangsangan visual



Botol air minuman



Tanda nama dan maklumat asas (jika berlaku kehilangan, dapat dihubungi)



Buku dan kelengkapan melukis atau mewarna





Lampiran 2 : Contoh Amalan Terbaik Di Singapore








MYOH  
Therapist with  
autism can  
ok

**FACT**  
With the right supports,  
people with autism  
can communicate  
effectively.

I travel often  
by using my  
passage



My Art Faculty by Pathlight  
 My Art Faculty by Pathlight is a platform that showcases artistic talents of people with autism and related challenges. They earn royalties as an income, when you buy their art or merchandise.  
 #TheArtFaculty #TheArtFaculty #TheArtFaculty



I enjoy  
drawing details  
of buildings and  
every leaf on the trees.

No eating or drinking  
Fine \$3500

No smoking  
Fine \$21000

No Reimbursed goods  
Fine \$9500

No alcohol

The Art Faculty by Pathlight is a platform that showcases artistic talents of people with autism and related challenges. They earn royalties as an income, when you buy their art or merchandise.  
 #TheArtFaculty #TheArtFaculty #TheArtFaculty

How you  
care

Share the  
Care

# Rujukan

1. **HART ASD Inclusion Guide**,  
<https://gohart.org/Style%20Library/goHART/pdfs/ada/HART-ASD-Inclusion-Guide-Final-English.pdf>.
2. **Autism-friendly Public Bus Transport: A Personal Experience-based Perspective**, PubMed, D.Helene, R. Veerle, B.Kris , B.Laura , A.Wael, B.Tom, W.Geert, S.Annemie,  
<https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/36341960/>.
3. **Our Autism Friendly Guide To Travelling By Train**, Network Rail Limited, England,  
<https://www.google.com/search?client=safari&rls=en&q=our+autism+friendly+guide+to+travelling+by+train&ie=UTF-8&oe=UTF-8>.

Untuk makluman lanjut, boleh hubungi :

## Unit Inovasi Bandar (UIB)

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



**TPr Mohd Zainuddin Bin Jumaat**

**Puan Norazira Binti Abd. Aziz**

Tel : 03-8091 0160

Email :

**[zainuddin.jumaat@planmalaysia.gov.my](mailto:zainuddin.jumaat@planmalaysia.gov.my)**

**[azira@planmalaysia.gov.my](mailto:azira@planmalaysia.gov.my)**



